

KEMBARA SUFI TRAVEL & TOURS SDN BHD

HANOI - SAPA - HALONG BAY



5 HARI 4 MALAM

LET'S
GO
TRAVEL

BOOK
NOW

HARGA BERMULA

RM 2,999

Special Offer

PENERAJU PAKEJ MUSLIM TERMURAH PILIHAN PERTAMA DI MALAYSIA



HARI 1 - HANOI - SAPA (Dinner)

Tiba sahaja di Lapangan Terbang Noi Bai, tour guide akan menyambut dan membawa para peserta ke Sapa. Peserta akan dibawa menggunakan highway ke bandar Lao Cai, iaitu laluan highway pergunungan yang sangat cantik. Berhenti sebentar untuk rehat dan makan tengahari. Kemudian barulah sampai di bandar Sapa yang disambut dengan pelbagai kostum pakaian tradisional penduduk setempat suku H'Mong, Dzao, Tay dan sebagainya. Menikmati makan malam di Restoran Halal. Check-in hotel.

Overnight in Sapa.

Meal Lunch (sendiri), Dinner

Distance Noi Bai International Airport – Sapa: 260km => 4.5 hours transfer

HARI 2 - EXPLORING SAPA – BAN CAT CAT, TA VAN VILLAGE – FANSIPAN (B/L/D)

Bersarapan di hotel/restoran. Peserta akan dibawa untuk menelusuri kampung Cat Cat (Cat Cat Village) yang diduduki oleh suku Black H'mong. Anda akan mempelajari gaya hidup suku tersebut sambil menikmati pemandangan indah sawah padi yang ditanam secara bertingkat dan air terjun, selain turut menerokai kampung Ta Van (atau dikenali Kampung Ta Phin). Kebanyakannya di sini terdapat suku kaum Giay, Dzao, H'mong dan beberapa lagi kumpulan etnik lain.

Kumpulan etnik ini mempunyai cara hidup yang stabil, memilih tanah pamah di lembah berhampiran sungai untuk menanam padi basah manakala kaum H'mong lebih suka menanam padi di kawasan altitud tinggi (tanam jagung, ubi kayu dan padi). Berhadapan Ta Van ialah sungai Muong Hoa yang jernih, di belakang pula adalah banjaran gunung Hoang Lien Son.

Makan tengahari. Pada sebelah petang pula, anda akan melawat:

- Stesen Kabel Fansipan – suatu perjalanan yang menakjubkan untuk sampai ke Bumbung Indochina, 3143m di atas paras laut. Bermula dengan kereta kabel seterusnya melangkah ke puncak, menikmati udara segar dan landskap yang indah dari atas puncak.

Makan malam, setelah itu anda diberi *kebebasan untuk menelusuri bandar Sapa pada waktu malam.

Overnight in Sapa.

Meal Breakfast
Lunch
Dinner





HARI 3 – SAPA – HANOI (B/L/D)

Sarapan. Bertolak dari Sapa untuk ke Hanoi. Tiba di Hanoi dan makan tengah hari terlebih dahulu sebelum melawat Dataran Ba Dinh yang terletak di hadapan Makam Ho Chi Minh yang terkenal. Dataran Ba Dinh adalah salah satu tapak peninggalan bersejarah yang popular dalam semua jadual perjalanan Hanoi City Tour. Ia adalah tempat untuk mengenali banyak mercu tanda penting dalam sejarah Vietnam, terutamanya pada 2 September 1945, Presiden Kerajaan Revolusi Sementara Republik Demokratik Vietnam Ho Chi Minh membaca Pengisytiharan Kemerdekaan yang melahirkan Republik Demokratik Rakyat Vietnam. Seterusnya, peserta akan melawat Masjid Al Noor. Makan malam di restoran halal dan check-in hotel.

Terokai Hanoi pada waktu malam dan ikuti lawatan ke Old Quarter Hanoi (perbelanjaan peribadi)

Overnight in Hanoi.
Meal Breakfast
Lunch
Dinner

Distance Sapa- Hanoi : 260km => 4.5 hours transfer

HARI 4 – HANOI – HALONG BAY- HANOI (B/L/D)

Sarapan. Bergerak ke Halong. Sampai di Halong, peserta akan makan tengahari di restoran halal sebelum bergerak ke pelabuhan Halong untuk membuat aktiviti belayar, menyusuri pulau-pulau terindah di teluk Halong seperti Gua Thein Chung(Heaven Cave), Incense burner Islet dan Fighting cock Islet. Kembali ke pelabuhan Halong. Pulang ke Hanoi. Makan malam di restoran halal.

Overnight in Hanoi
Meal Breakfast
Lunch
Dinner

Distance Hanoi - Halong: 170km => 3 hours transfer

HARI 5: HANOI – NOI BAI AIRPORT (B)

Sarapan. Aktiviti bebas sebelum bergerak pulang. Hari free and easy. Check-out hotel dan bergerak ke airport untuk pulang ke Malaysia.

Ends of our service!
Meal Breakfast

Distance Hanoi Central - Noi Bai International Airport: 25km => 45 minutes transfer





Pakej Termasuk



- Tiket penerbangan termasuk bagasi 20kg, pergi dan balik
- Hotel, makanan sebagaimana dalam itinerary
- Pengangkutan (sepanjang trip)
- Pemandu pelancong
- Tiket tempat lawatan dan tiket menaiki cruise di Halong Bay

Pakej Tidak Termasuk



- Tipping RM 95
- Surcaj extra cuti sekolah/peak season RM 220
- Cable car & train - harga asal RM 260, tempah awal diskaun RM 80

Makluman:

1- Itinerary boleh berubah bergantung pada keadaan seperti jadual penerbangan, cuaca, traffic congestion dan lain-lain keadaan semasa, tetapi semua tempat yang disenaraikan masih akan cuba dilawati.

2- Harga pakej, jadual lawatan yang dinyatakan adalah mengikut perubahan semasa seperti jadual Penerbangan (In/Out), Masa Penerbangan, Harga Penerbangan, Pertukaran matawang, keselamatan negara dilawati dan perubahan Cuaca.

HARGA PAKEJ

HARGA PAKEJ DEWASA	HARGA PAKEJ KANAK - KANAK BERKATIL	HARGA PAKEJ KANAK - KANAK TIDAK BERKATIL	TIPPING	SURCHARGE
RM2999	RM2899	RM2799	RM95	RM220



POLISI PEMBAYARAN & PEMBATALAN PAKEJ

1. Tempahansah selepaspembayarandepositdilakukan ke dalam akaun syarikat.
2. Bayaran penuh hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya 40 hari sebelum tarikh berangkat. Sekiranya pihak KSTTSB tidak menerima bayaran penuh dalam tempoh yang ditetapkan, maka atas budi bicara dan kuasa penuh KSTTSB berhak untuk tidak memulangkan deposit dan membatalkan tempahan.
3. Pembatalan pakej peserta hendaklah dimaklumkan melalui saluran rasmi KSTTSB sama ada melalui surat, PIC yang bertugas atau email.
4. Jika KSTTSB menerima notis untuk pembatalan tempahan/penukaran pakej 45 hari atau lebih sebelum tarikh berlepas, yuran pentadbiran minimum sebanyak RM50.00 atau 2% daripada pakej pelancongan (mengikut yang lebih tinggi) seorang akan dikenakan.
5. Jika notis pembatalan diterima 44 hari atau kurang sebelum tarikh berlepas, sila rujuk pada Jadual 7 Akta Pelancongan 1992.
6. Jika tiket penerbangan telah dibeli, atau tempahan hotel dan lain-lain telah dibuat, kos nilai harga perlu ditanggung oleh peserta 100%.
7. Pertukaran tarikh, tambahan (fare&tax) dan sebagainya adalah tanggungan peserta.

INFO PENTING

1. Pasport yang sah dan tidak kurang dari enam (6) bulan dari tarikh penerbangan.
 2. Para peserta hendaklah membuat semakan terlebih dahulu jika ada berkaitan dengan senarai hitam ke luar negara.
 3. Pihak KSTTSB tidak akan bertanggungjawab di atas urusan senarai hitam para peserta. Pembayaran pakej yang dibuat tidak akan dikembalikan sekiranya ia berlaku.
 4. Perubahan masa penerbangan, jenis penerbangan tertakluk kepada perubahan semasa.
 5. Harga pakej juga tertakluk kepada perubahan kadar matawang semasa dan caj tambahan ketika musim puncak(Peak Season). Pihak KSTTSB akan membuat makluman awal nanti sekiranya berlaku perubahan harga pakej.
 6. Resit pembayaran hendaklah disertakan sebagai bukti pembayaran deposit/penuh trip.
 7. Bayaran deposit/penuh pakej hanya boleh dibuat melalui akaun Maybank rasmi syarikat atas nama KEMBARA SUFI TRAVEL & TOURS SDN BHD sahaja. Tiada orang tengah yang diwakilkan untuk mengutip sebarang bayaran pakej.
- Slip pembayaran perlu dihantar ke email / whatsapp selepas selesai bayaran dibuat.

KEMBARA SUFI TRAVEL & TOURS SDN BHD



5621-0663-0695

Perhatian :-

- Sekiranya membuat pembayaran secara online, anda wajib menyerahkan resit bukti pembayaran kepada pihak kami melalui email atau wasap dan resit tersebut harus di tulis di atasnya dengan nama, tarikh trip dan no ic anda.